

NO. SOALAN : 438

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

RUJUKAN : 9463

SOALAN:

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilangan Pekerja Asing Tanpa Izin
yang ditangkap dalam tahun 2014 dan 2015 dengan memberi
pecahan PATI yang telah masuk Malaysia dengan permit kerja yang
sah, PATI yang masuk Malaysia dengan visa lawatan sah dan PATI
yang masuk Malaysia tanpa kebenaran imigresen.**

JAWAPAN:

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masuk ke Malaysia tanpa kebenaran imigresen adalah sukar untuk diketahui. Statistik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengenai isu PATI dalam negara adalah pada kadar 3:1 iaitu setiap 4 orang yang diperiksa terdapat 1 orang PATI dalam operasi yang dilaksanakan oleh JIM. Semua pendatang asing yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah pendatang asing yang sah dan mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.

Melalui operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan secara berterusan, seramai 97,378 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah berjaya ditangkap dari tahun 2014 sehingga 2015 kerana melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63. PATI ini terdiri daripada warganegara Indonesia (30,737 orang), Filipina (17,670 orang), Bangladesh (13,546 orang), Myanmar (12,684 orang), Nepal (3,980 orang), Thailand (3,521 orang), Pakistan (3,468 orang), Vietnam (3,353 orang), India (2,930 orang), Kemboja (1,324 orang) dan lain-lain (4,165 orang).